

Soalan-Soalan Lazim

PENGHANTARAN MOTOSIKAL DI CAWANGAN DAN AGEN KTM DISTRIBUTION SDN. BHD (KTMD) SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA

Bil.	Soalan / Jawapan
S1	Apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan penghantaran motosikal di Cawangan KTMD seluruh Semenanjung Malaysia?
J1	<p>Penghantaran motosikal adalah perkhidmatan penghantaran motosikal Pelanggan yang ditawarkan oleh KTMD di seluruh rangkaian KTMD atau melalui Agen yang dilantik di dalam Semenanjung Malaysia sahaja.</p> <p>Pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan ini untuk menghantar motosikal dari cawangan KTMD/Agen yang terdekat ke cawangan KTMD/Agen yang bersesuaian dengan kehendak Pelanggan. Pelanggan boleh layari laman web KTMD di www.ktmd.com.my untuk senarai Cawangan KTMD.</p>
S2	Apakah kategori kadar yang ditawarkan oleh KTMD kepada Pelanggan untuk penghantaran motosikal ini?
J2	<p>Terdapat 3 kategori kadar yang ditawarkan oleh KTMD kepada Pelanggan untuk penghantaran motosikal seperti yang berikut :-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kadar Biasa ; ditawarkan kepada semua Pelanggan KTMD; 2) Pelajar IPT; ditawarkan kepada pelajar IPTA/ IPTS/ Kolej/ Matrikulasi/Institut Perguruan yang memiliki kad pelajar yang sah; dan 3) Penghantaran Dua Hala; ditawarkan kepada semua Pelanggan KTMD.

S3	Berapakah caj untuk penghantaran motosikal di cawangan KTMD di Semenanjung Malaysia?
J3	Sila rujuk caj penghantaran di Lampiran 1 .
S4	Bolehkah Pelanggan menghantar motosikal beroda tiga ke cawangan KTMD (dan sebaliknya)?
J4	Boleh. Sila rujuk caj penghantaran di Lampiran 2 .
S5	Di manakah Pelanggan boleh berurusan untuk membuat penghantaran motosikal?
J5	Pelanggan boleh membuat penghantaran motosikal HANYA di Cawangan KTMD yang berhampiran sahaja.
S6	Adakah Pelanggan boleh membuat panggilan pungutan (<i>pick-up</i>) untuk tujuan penghantaran motosikal?
J6	Perkhidmatan pungutan (<i>pick-up</i>) dan penghantaran ke rumah TIDAK disediakan untuk perkhidmatan penghantaran motosikal. Pelanggan perlu menghantar motosikal ke cawangan KTMD yang berdekatan untuk membuat penghantaran dan semasa proses pengambilan motosikal, Pelanggan juga perlu mengambilnya di cawangan KTMD.
S7	Bagaimanakah cara untuk membuat Penghantaran Dua Hala?
J7	Pelanggan perlu menyimpan resit pembayaran hala pertama sebagai bukti pembelian Penghantaran Dua Hala dan mengemukakan kepada kakitangan kaunter di cawangan KTMD yang terpilih. Proses penerimaan di kaunter adalah seperti amalan biasa kecuali tanpa sebarang pembayaran.

S8	Apakah kelebihan Penghantaran Dua Hala (motosikal) yang ditawarkan oleh KTMD?				
J8	Kelebihan Penghantaran Dua Hala ialah kadar yang ditawarkan lebih murah berbanding Kadar Biasa (sehala).				
S9	Adakah Penghantaran Dua Hala mempunyai tempoh sah laku?				
J9	PENGHANTARAN Dua Hala mempunyai tempoh sah laku iaitu selama enam (6) bulan dari tarikh pembayaran.				
S10	Adakah pelanggan dibenarkan menghantar motosikal yang berbeza untuk penghantaran kali kedua bagi Penghantaran Dua Hala?				
J10	<p>Pelanggan TIDAK dibenarkan membuat penghantaran motosikal yang berbeza dan juga ke destinasi cawangan KTMD yang berbeza. Contoh yang dibenarkan adalah seperti yang berikut:-</p> <p><u>Penghantaran kali pertama</u> Jenis Motosikal : Yamaha Ego LC 125 (VQ 6283)</p> <table border="1" data-bbox="310 1215 963 1289"> <tr> <td>Cawangan KTMD asal : Kuala Lumpur</td> </tr> <tr> <td>Cawangan KTMD tuju : Johor Bahru</td> </tr> </table> <p><u>Penghantaran kali kedua</u> Jenis Motosikal : Yamaha Ego LC 125 (VQ 6283)</p> <table border="1" data-bbox="310 1436 963 1509"> <tr> <td>Cawangan KTMD asal : Johor Bahru</td> </tr> <tr> <td>Cawangan KTMD tuju : Kuala Lumpur</td> </tr> </table>	Cawangan KTMD asal : Kuala Lumpur	Cawangan KTMD tuju : Johor Bahru	Cawangan KTMD asal : Johor Bahru	Cawangan KTMD tuju : Kuala Lumpur
Cawangan KTMD asal : Kuala Lumpur					
Cawangan KTMD tuju : Johor Bahru					
Cawangan KTMD asal : Johor Bahru					
Cawangan KTMD tuju : Kuala Lumpur					
S11	Apakah yang perlu Pelanggan sediakan untuk penghantaran motosikal?				
J11	Tiada dokumen diperlukan untuk Kadar Biasa dan Penghantaran Dua Hala, kecuali kad matrik pelajar bagi kategori Pelajar IPT sahaja.				

S12	Adakah Pelanggan boleh menuntut gantirugi/ pampasan sekiranya motosikal yang dihantar didapati rosak?
J12	KTMD sedia membayar gantirugi/ pampasan ke atas sebarang kerosakan motosikal sekiranya disahkan berlaku akibat kecuaiian KTMD. Mengikut Terma & Syarat Perkhidmatan, jumlah gantirugi/ pampasan yang ditanggung oleh KTMD adalah sebanyak RM200.00 (Maksima) dan atau mengikut nilai kerosakan sebenar atau yang mana lebih rendah.
S13	Adakah KTMD menyediakan perlindungan insurans untuk penghantaran motosikal?
J13	Ya, ada. Jumlah gantirugi/ pampasan adalah sebanyak RM200.00 (Maksima) sahaja.
S14	Berapakah caj premium tambahan yang dikenakan untuk Pelanggan yang mengambil perlindungan insurans semasa membuat penghantaran motosikal dengan KTMD?
J14	Pelanggan boleh membuat pilihan untuk mendapatkan perlindungan insurans tambahan dengan kadar RM15.00 bagi nilai perlindungan sebanyak RM5,000.00.
S15	Sekiranya Pelanggan ingin membuat penghantaran kunci motor dan topi keledar, bolehkah Pelanggan sertakan bersama semasa penghantaran motosikal?
J15	Boleh. Sila rujuk caj penghantaran di Lampiran 3 .
S16	Adakah Pelanggan perlu menanggalkan nombor plat motosikal semasa penghantaran?
J16	Tidak perlu. Nombor plat motosikal adalah tujuan identifikasi operasi KTMD.

S17	Sekiranya motosikal telah sampai ke destinasi di cawangan KTMD, adakah pihak KTMD akan memaklumkan/ menghubungi pelanggan?
J17	Ya. Pihak cawangan KTMD akan menghubungi Pelanggan untuk mengambil motosikal di cawangan tersebut.
S18	Sekiranya Pelanggan lewat mengambil motosikal selepas dari tarikh pihak KTMD menghubungi Pelanggan, adakah caj tambahan akan dikenakan kepada Pelanggan?
J18	<p>Sekiranya Pelanggan gagal mengambil motosikal dalam tempoh 3 hari selepas dihubungi pihak KTMD, caj tambahan (<i>storage charges</i>) akan dikenakan sebanyak RM4.50 sehari bermula pada hari ke-4.</p> <p>Caj tambahan ini dikira termasuk hari bekerja, hari cuti mingguan dan cuti umum dan selama mana motosikal berkenaan disimpan di Cawangan KTMD.</p>
S19	Adakah KTMD meletakkan had untuk penghantaran motosikal oleh Pelajar yang mempunyai Kad Pelajar yang sah?
J19	<p>Ya. Pelajar hanya dibenarkan untuk membuat satu (1) penghantaran saja untuk setiap transaksi menggunakan kad pelajar pada satu masa.</p> <p>Kadar Pelajar IPT adalah tertakluk kepada penghantaran motosikal sahaja, manakala harga penghantaran bagi aksesori contohnya kunci motor dan topi keledar adalah mengikut harga yang telah ditetapkan.</p>
S20	Apakah tanggungjawab Pelanggan semasa proses penghantaran motosikal di kaunter KTMD?
J20	Pelanggan perlu mengisi Nota Konsainan dan melaksanakan pemeriksaan bersama dengan kakitangan KTMD dan menurunkan tandatangan di Borang Pemeriksaan Motosikal yang disediakan.
S21	Apakah langkah keselamatan yang boleh diambil bagi mengelakkan berlakunya kecacatan atau tercalar semasa penghantaran motosikal?

J21	Pelanggan diberikan pilihan untuk membungkus/membalut sendiri motosikal atau dilaksanakan oleh kakitangan KTMD.
S22	Sekiranya, KTMD menyediakan perkhidmatan pembungkusan/membalut motosikal, berapakah caj yang dikenakan?
J22	Sila rujuk caj membalut motosikal di Lampiran 4
S23	Siapakah yang patut Pelanggan hubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan perkhidmatan ini?
J23	Untuk maklumat lanjut sila hubungi KTMD di talian 1-800-22-5863 atau Cawangan KTMD yang berdekatan.
S24	Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa mengambil motosikal?
J24	Penerima perlu membawa Mykad dan motosikal hanya boleh dituntut oleh penerima seperti yang tertera pada Nota Konsainan.
S25	Bolehkan Pelanggan menghantar motosikal yang telah tamat tempoh cukai jalan?
J25	Tidak boleh.
S26	Adakah Pelanggan perlu memenuhkan tangki petrol/ bahan api semasa menghantar motosikal?
J26	Pelanggan bertanggungjawab memastikan petrol/ bahan api yang ditinggalkan adalah separuh ($\frac{1}{2}$) dari kandungan tangki kenderaan. Ini adalah perlu dan atas tanggungjawab pemunya kenderaan kerana ia melibatkan urusan operasi pengendalian motosikal.



KTM DISTRIBUTION SDN BHD
 Tingkat 1, Bangunan Stesen Keretapi
 Jalan Sultan Hishamuddin
 50050 Kuala Lumpur
 Tel: 03-22749244 Faks : 03-22721299

LAMPIRAN 1

Caj Penghantaran Motosikal adalah seperti berikut:-

Segmen & Kuasa Enjin	125cc	150cc	250cc	350cc	351cc
Kadar Biasa (RM)	160.00	180.00	200.00	250.00	300.00
Pelajar IPT (RM)	155.00	170.00	195.00	230.00	285.00
Penghantaran Dua Hala (RM)	290.00	330.00	350.00	450.00	550.00



(114458-U)

KTM DISTRIBUTION SDN BHD
Tingkat 1, Bangunan Stesen Keretapi
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-22749244 Faks : 03-22721299

LAMPIRAN 2

Caj Penghantaran Motosikal Beroda Tiga adalah seperti berikut:-

Bil	Kuasa Enjin	Harga (RM)
1.	Hingga 125cc	270.00
2.	126cc hingga 150cc	300.00
3.	151cc hingga 250cc	340.00
4.	251cc hingga 350cc	390.00
5.	351CC ke atas	500.00



KTM DISTRIBUTION SDN BHD
Tingkat 1, Bangunan Stesen Keretapi
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-22749244 Faks : 03-22721299

LAMPIRAN 3

Caj Perkhidmatan Menghantar Kunci Motosikal dan Topi Keledar (*Helmet*).

No.	Jenis Perkhidmatan	Caj Tambahan
1.	Kunci motosikal sahaja	RM6.00 setiap bungkusan
2.	Topi Keledar (Helmet) sahaja	RM9.00 setiap bungkusan
3.	Kunci Motosikal dan Topi Keledar	RM9.00 setiap bungkusan



KTM DISTRIBUTION SDN BHD
Tingkat 1, Bangunan Stesen Keretapi
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur
Tel: 03-22749244 Faks : 03-22721299

LAMPIRAN 4

Caj Perkhidmatan Membalut Motosikal dan Denda Penyimpanan Motosikal.

No.	Jenis Perkhidmatan	Caj Perkhidmatan
1.	Kerja-kerja membalut motosikal (<i>Wrapping</i>)	
	a) 150cc ke bawah	RM15.00 setiap unit
	b) 151cc – 250cc	RM20.00 setiap unit
	c) 251cc – 350cc	RM30.00 setiap unit
	d) 351cc ke atas	RM50.00 setiap unit
2.	Denda Lewat - Penyimpanan Motosikal	RM4.50 sehari